

PENGAJIAN KITAB IHYA' 'ULUMIDDIN ke-7
(Karya Hujjatul Islam Imam al-Ghazali)
Kuliah Maghrib kali ke-91 di Surau An-Nur

Antara sebab kita mempelajari kitab Ihya':

1. Hendak melihat ke dalam diri.
2. Hendak membuat perubahan positif pada diri.
3. Hendak membetulkan 'makanan' hati kita.

Kita sering meneropong jauh ke serata arah, tetapi kita sering lupa untuk meneropong ke dalam diri.

Manusia selalu berfikir untuk mengubah dunia, tetapi jarang sangat berfikir untuk mengubah dirinya.

Tubuh badan kita ialah apa yang kita makan. Rohani kita pula ialah apa yang kita makan melalui 5 deria yang dibekalkan Tuhan.

Menilai mestilah dengan ilmu.

Maka sesungguhnya sudah sesat jalan (kaedah/cara) orang yang ingin mengetahui bahawa si Zaid itu seorang filosof (ahli falsafah) ataupun tidak, sedangkan dia (sendiri) belum lagi mengetahui erti dan hakikat ilmu falsafah itu. (Ihya Ulumiddin ms 73)

Apa itu 'kelebihan'?

Untuk memahamkan tentang KELEBIHAN, Imam al-Ghazali bawa satu contoh:

Kuda dan kaldai bersekutu dalam satu hal iaitu keupayaan mengangkut barang. Tapi kuda punya KELEBIHAN berbanding kaldai kerana kuda LEBIH pantas, tangkas, tinggi, besar, tegap, cantik dan lebih berharga.

Sekiranya kaldai itu ada daging tumbuh/daging lebih di tubuhnya, itu bukannya kelebihan bahkan satu kekurangan, kerana tidak normal.

Betapa tinggi dan mulianya ilmu

Ilmu itu adalah suatu kelebihan pada dirinya dan secara mutlak tanpa diperhubungkan kepada yang lain. Kerana ilmu itu adalah sifat kesempurnaan bagi Allah SWT. Dengan ilmulah, mulia para malaikat dan nabi-nabi. Bahkan kuda yang cerdik adalah lebih baik daripada kuda yang bodoh. (Ihya Ulumiddin ms 73)

Para rasul dan nabi jadi mulia antaranya kerana dapat wahyu, sedangkan wahyu itu sendiri ialah sejenis ilmu.

Para rasul lebih mulia daripada para nabi kerana para rasul menyebarkan pula wahyu (iaitu ilmu), sedangkan para nabi hanya menggunakan wahyu (iaitu ilmu) untuk dirinya sendiri (dan orang-orang yang hampir dengannya).

Tujuan mencari ilmu:

Ilmu ialah sesuatu yang bernilai. Ia dicari untuk:

1. Mendapatkan keredhaan Allah, kebahagiaan hidup di dunia dan di akhirat, syurga dan ‘memandang Wajah Allah’.
2. Mendapatkan kesenangan hidup seperti wang, gaji, harta, pengaruh, kuasa, pangkat dan lain-lain.

Hikmah Al-Ghazali 7

“Kedudukan yang tertinggi bagi seorang manusia ialah kebahagiaan abadi. Dan suatu yang paling utama ialah jalan kepadanya. Dan tidak akan sampai kepadanya selain dengan ilmu dan amal. Dan tidak akan sampai kepada amal, selain dengan mengetahui cara beramal. Maka, asal kebahagiaan di dunia dan di akhirat adalah ilmu.”

Apakah kebahagiaan abadi?

Kebahagian abadi ialah syurga.

Apakah kebahagiaan tertinggi?

Kebahagiaan tertinggi ialah Melihat Allah (*dalam bahasa sufinya ‘memandang Wajah Allah’*).

Bagaimana untuk mendapatkan kebahagiaan tertinggi?

Untuk dapatkan kebahagian tertinggi, kita mestilah mengetahui jalannya. Untuk mengetahui jalannya, mestilah dengan ilmu.

Alat untuk mendapatkan kebahagiaan tertinggi ialah ilmu dan amal. Untuk beramal, mestilah mengetahui cara-cara beramal. Untuk mengetahui cara-cara beramal itu, mestilah dengan ilmu.

Ringkasnya, untuk mendapatkan kebahagiaan tertinggi mestilah dengan ILMU.

Cara mengetahui kemuliaan sesuatu perkara

Kadang-kadang, mengetahui kemuliaan sesuatu dengan kemuliaan hasilnya. (Ihya’ ‘Ulumiddin ms 74)

Contohnya:

1. Sekolah menghasilkan banyak orang berilmu dan baik-baik. Maka sekolah pun dipandang mulia.
2. Seni beladiri menghasilkan orang yang pandai menjaga diri, kuat dan sihat. Maka seni beladiri pun dipandang mulia.
3. Sebuah mesin memproses sampah sarap menjadi bahan berguna. Maka secara automatik mesin itu dipandang bagus.